

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

SOALAN

YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengambilan kaum India dalam perkhidmatan beruniform seperti tentera, polis, kastam, imigresen dan bomba masih berada di tahap yang sangat rendah.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Brhormat, pelantikan dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan kelayakan calon dari segi memenuhi syarat skim perkhidmatan dan melepasi tapisan-tapisan yang ditetapkan termasuk saringan ujian bertulis serta ujian fizikal dan bidang-bidang kelayakan tertentu yang diperlukan oleh Ketua Jabatan.

Berkaitan pengambilan kaum India dalam perkhidmatan awam beruniform iaitu tentera, polis, kastam, bomba dan imigresen, bilangannya bagi tahun 2019, adalah seperti berikut:-

NO. SOALAN : 185

Pihak Berkuasa Melantik	Jawatan	Permohonan	Panggil Temu Duga	Hadir Temu Duga	Jumlah Tawaran Lantikan
Majlis Angkatan Tentera	Pelbagai jawatan	1,309	859	313	137
Suruhanjaya Pasukan Polis	Pelbagai jawatan	960	-	-	156
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Penguasa Kastam Gred WK41	7,479	99	89	10
	Penolong Penguasa Kastam Gred WK29	1	1	1	1
	Pembantu Penguasa Kastam Gred WK19	9,190	112	103	4
	Pegawai Bomba Gred KB19	3,384	8	6	3
	Pegawai Imigresen Gred KP19	5	5	5	5

Sekian, terima kasih.